

Kelab motor UMP adakan konvoi Expoconvo

KUANTAN 5 Okt. — Seramai 58 ahli Kelab Motor LC, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Kelab Proton Saga Kuantan (Prosoc) dan Kelab Perodua Viva (Vivac) menyertai konvoi ke Felda Lepar Hilir dekat sini baru-baru ini.

Ketibaan peserta konvoi tersebut disambut oleh Timbalan Pegawai Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Rancangan (JKKR) Felda Lepar Hilir 1 dan 4, Abd. Rahman Inoh.

Pengarah program, Muhammad Nur Zakwan Zainal yang juga Pengurus Exco Penyelitian dan Informasi, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP berkata, aktiviti itu dianjurkan untuk memperkenalkan program dan acara Expoconvo yang akan berlangsung sempena Majlis Konvokesyen UMP kelima Sabtu ini.

Menurutnya, aktiviti tersebut dijalankan untuk menjalinkan hubungan serta mendekatkan pelajar dengan masyarakat peneroka di Felda Lepar Hilir.

"Kami memilih 58 kenderaan membawa maksud tersendiri iaitu UMP meraikan Majlis Konvokesyen kelima dan angka lapan merupakan usia penuhulian UMP," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Muhammad Nur Zakwan memberitahu, pelajar berpeluang berjumput dan beramah mesra dengan penduduk tanah rancangan itu dan mengedarkan risalah bagi mempromosikan acara Expoconvo yang akan berlangsung 9 Oktober ini.

Menurut beliau, kesempatan untuk singgah di Felda Lepar Hilir juga memberi peluang kepada mereka untuk bermesra dan mengenal cara hidup masyarakat Felda.

"Penduduk tanah rancangan itu turut diberi kesedaran tentang keselamatan jalan raya dan berpeluang menyaksikan kreativiti pemilik kenderaan menghias kenderaan masing-masing."

"Peluang anak-anak Felda berjumpa de-



PESERTA Konvoi UMP bergambar beramai-ramai semasa tiba di pekarangan Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan sebelum berkonvoi ke Felda Lepar Hilir dekat Kuantan, baru-baru ini.

ngan mahasiswa universiti ini juga diharap dapat memberikan semangat untuk terus belajar," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Nur Zakwan berkata, pelbagai acara akan diadakan sepanjang majlis konvokesyen UMP itu termasuk pertandingan bercerita kanak-kanak,

catur, bola sepak jalan, go-kart, pertandingan mencipta robot, roket air, futsal, bual bicara wanita, demonstrasi kebakaran dan pameran.

Tambahnya, para pengunjung program tersebut turut mengambil peluang menjalani pemeriksaan kesihatan dan rawatan gigi se-

UM (Heli Campus) Kelab 6/10/11 ms 26

cara percuma.

Selain itu, katanya, pihaknya telah menjalankan aktiviti promosi sejak dua minggu lalu dengan majlis pra-pelancaran Expoconvo di pusat beli-belah Kuantan Parade, di sini dengan mengadakan pertandingan melukis dan mewarna bagi kanak-kanak.